

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Wednesday, 4 December, 2019 3:27 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: UUM Melonjak Dalam UI GreenMetric World University Rankings 2019



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

4 DISEMBER 2019 / 7 RABIULAKHIR 1441H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Institut Pengurusan Kualiti (IPQ)

UUM MELONJAK DALAM UI GREENMETRIC WORLD UNIVERSITY RANKINGS 2019



UUM ONLINE: Universiti Utara Malaysia (UUM) telah membuat lonjakan sebagai universiti ke-64 terbaik dunia dalam UI GreenMetric World University Rankings 2019 yang diumumkan semalam.

Kedudukan ini meningkat 12 anak tangga berbanding tahun 2018 yang mana UUM berada di kedudukan ke-76 serta di kedudukan keempat di Malaysia.

Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani berkata, pencapaian ini adalah satu yang amat membanggakan kerana tahun demi tahun UUM terus menunjukkan pencapaian terbaik dan menonjolkan peningkatan sehingga mendapat pengiktirafan dunia.

"Saya berharap warga UUM dapat terus berusaha untuk mengekalkan kehijauan alam sekitar yang terdapat dalam universiti ini serta memastikan UUM terus dikenali seluruh dunia dengan keindahan flora fauna, selain pelbagai kemudahan yang disediakan, bukan sahaja untuk kegunaan warga kampus, malah untuk pelancong luar dan generasi akan datang," katanya.

Selain itu, UUM berada di kedudukan 50 terbaik dunia bagi tiga kategori iaitu *Education* (ke-20), *Transportation* (ke-22) dan *Setting & Infrastructure* (ke-26).

UI GreenMetric World University Rankings menilai amalan kelestarian kampus dalam enam kategori utama iaitu *Setting & Infrastructure* (15%), *Energy and Climate Change* (21%), *Waste* (18%), *Water* (10%), *Transportation* (18%) dan *Education* (18%).

UI GreenMetric World University Rankings dirangka bertujuan untuk meningkatkan amalan kelestarian kampus, selain pada masa yang sama menyokong agenda *Sustainable Development Goals* (SDG), Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Pada tahun ini, UI GreenMetric World University Rankings telah berjaya menyenaraikan 780 universiti daripada 85 buah negara berbanding 719 universiti daripada 81 buah negara pada tahun 2018.

Keputusan penuh UI GreenMetric World University Rankings boleh dicapai melalui <http://greenmetric.ui.ac.id/>



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.